



# **POLISI PEMBERI MAKLUMAT (WHISTLEBLOWING POLICY)**

## **TITIPAN ALUAN:**

### **YBhg. Dato' Presiden & Naib Canselor**

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulilah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Polisi Pemberi Maklumat UNISEL (UNISEL Whistleblowing Policy) telah dapat dibangunkan.

Polisi Pemberi Maklumat UNISEL ini diperkenalkan untuk mencegah dan membasmi sebarang salah laku berkaitan integriti dan rasuah di UNISEL. Polisi ini menerangkan tentang tindakan yang perlu dilakukan sekiranya berlaku salah laku rasuah, percanggahan kepentingan, salah guna kuasa, penyelewengan dan pelanggaran kepada peraturan-peraturan yang diputuskan oleh UNISEL.

UNISEL memegang prinsip untuk tidak berkompromi dalam sebarang bentuk salah laku rasuah, percanggahan kepentingan, salah guna kuasa dan penyelewengan. UNISEL juga komited dalam memastikan segala urusniaga dilaksanakan dengan cekap dan bersih serta bebas daripada sebarang unsur salah laku yang melibatkan rasuah. Oleh itu, polisi ini perlu menjadi medium utama untuk menyuarakan kesangsian atau melaporkan sebarang salah laku tanpa rasa bimbang. Perlindungan sewajarnya akan diberikan kepada pelapor tertakluk kepada syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam polisi ini.

Saya berharap polisi ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua kakitangan, pihak yang berkepentingan dan rakan perniagaan UNISEL, terutamanya apabila berdepan dengan situasi salah laku yang berkaitan. Adalah amat penting bagi semua untuk cakna dan bertanggungjawab dalam mencegah salah laku berkaitan rasuah. Semoga semua kakitangan UNISEL sentiasa melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan telus dan berintegriti.

Akhir kata, sekalung budi dan penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menyediakan Polisi Pemberi Maklumat ini. Semoga usaha murni kita ini dapat membentuk warga UNISEL yang teguh berintegriti pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

*'Peneraju Transformasi'*



**PROF. DATO' DR. MOHAMMAD REDZUAN OTHMAN**  
Presiden dan Naib Canselor  
Universiti Selangor (UNISEL)

## **KANDUNGAN**

<b>Bil.</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
	Titipan Aluan	i
1	Pengenalan	1
2	Objektif	1
3	Definisi	2
4	Skop	4
5	Penguatkuasaan	5
6	Pemakaian Dan Pengasingan	5
7	Membuat Pelaporan	6
8	Perlindungan	7
9	Pembatalan Perlindungan	8
10	Tanggungjawab	9
11	Maklumbalas	10

## 1. PENGENALAN

- 1.1 Integriti merupakan salah satu daripada nilai teras utama UNISEL. Sehubungan dengan itu, semua urusan operasi UNISEL harus dilaksanakan dengan standard integriti yang tinggi dan tadbir urus terbaik bagi mengelakkan sebarang salah laku yang boleh menjaskan reputasi UNISEL serta juga boleh mencalit imej Kerajaan Negeri.
- 1.2 Sebagai suatu usaha untuk memperkuatkan mekanisme kawalan dalaman bagi pelaksanaan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS), Polisi Pemberi Maklumat UNISEL dibangunkan sebagai panduan dan rujukan.
- 1.3 Aduan Integriti ialah sebarang aduan oleh kakitangan UNISEL, pihak luar yang berurusan dengan UNISEL atau orang awam bagi melaporkan sebarang salah laku kakitangan UNISEL, kelemahan sistem dan tatacara kerja, perbuatan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa atau tindakan yang menyalahi undang-undang.

## 2. OBJKTIF

- 2.1 Objektif Polisi Pemberi Maklumat UNISEL adalah seperti berikut:
  - 2.1.1 Memberi ruang dan peluang kepada mana-mana pelapor untuk membuat laporan salah laku berkaitan integriti dan rasuah di UNISEL;
  - 2.1.2 Memberi jaminan kepada mana-mana pelapor bahawa mereka akan dilindungi daripada tindakan yang memudaratkan sekiranya membuat laporan dengan niat suci hati;
  - 2.1.3 Menyediakan satu mekanisme rasmi yang selamat bagi tindakan yang akan diambil ke atas semua laporan salah laku yang diterima;
  - 2.1.4 Mengambil tindakan yang sewajarnya bagi apa-apa perkara salah laku yang dilaporkan oleh mana-mana sumber lain.

### 3. DEFINISI

- 31 Definisi terma yang diguna pakai di dalam Polisi ini membawa maksud seperti berikut:

<b>Agenzi penguatkuasa undang-undang</b>	Agensi Kerajaan yang mempunyai fungsi dan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan lain-lain
<b>Laporan salah laku</b>	Sebarang laporan atau maklumat berkaitan salah laku yang jika terbukti, boleh menjadi suatu kesalahan integriti dan rasuah.
<b>Pelapor</b>	Seseorang atau kumpulan orang yang membuat laporan atau memberi maklumat berkaitan salah laku.
<b>Percanggah kepentingan</b>	Konflik antara kepentingan peribadi seseorang dengan tanggungjawab rasminya yang boleh mempengaruhi secara salah dalam pelaksanaan tugas beliau.
<b>Perkara salah laku yang dilaporkan oleh manama sumber lain</b>	Laporan atau maklumat berkaitan salah laku yang dilaporkan oleh agensi luar, rujukan daripada Jabatan / Unit / rujukan daripada UNISEL, dan rujukan daripada Lembaga Pengarah UNISEL dan lain-lain.
<b>Kakitangan UNISEL</b>	Seseorang yang dilantik bekerja untuk UNISEL secara tetap, sementara atau kontrak. (Tertakluk kepada terma dan syarat lantikan di UNISEL)
<b>Pihak berkepentingan dalam UNISEL</b>	Organisasi yang ditubuh oleh UNISEL seperti anak syarikat, Yayasan, Kelab Sukan, Pertubuhan dan Kesatuan Sekerja Anak Syarikat termasuklah semua kakitangan yang dilantik.

<b>Polisi</b>	Merujuk kepada Polisi Pemberi Maklumat UNISEL.
<b>Rakan perniagaan</b>	Pembekal, kontraktor, juru perunding atau mana-mana pihak yang mempunyai urusan perniagaan atau perkhidmatan dengan UNISEL serta pihak berkepentingan dalam UNISEL.
<b>Rasuah</b>	Apa-apa manfaat yang ditawar / diberi / diminta / diterima dalam apa-apa bentuk sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu yang ada kaitan dengan urusan UNISEL.
<b>Salah guna kuasa</b>	Menggunakan jawatan atau kedudukan rasmi untuk manfaat diri sendiri atau saudara atau sekutu.
<b>Salah laku</b>	Apa-apa kelakuan tidak wajar yang bertentangan dengan undang-undang atau polisi, peraturan dan prosedur UNISEL.
<b>Saudara</b>	Tafsiran Saudara adalah seperti mana maksud di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
<b>Sekutu</b>	Tafsiran Sekutu adalah seperti mana maksud di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

#### 4. SKOP

- 41 Skop Polisi ini meliputi semua salah laku yang telah, sedang atau dipercayai akan berlaku di UNISEL yang jika terbukti:
- 4.1.1 Menjadi suatu kesalahan jenayah rasuah di bawah undang-undang; dan
  - 4.1.2 Menjadi suatu kesalahan tatatertib sekiranya melanggar Kod Etika dan Tatalaku Kakitangan UNISEL serta mana-mana polisi, peraturan dan prosedur yang diguna pakai di UNISEL.
- 42 Antara skop salah laku yang boleh dilaporkan adalah seperti berikut:
- 4.2.1 Menawar / memberi / meminta atau menerima apa-apa rasuah;
  - 4.2.2 Percanggahan kepentingan;
  - 4.2.3 Salah guna kuasa termasuk melibatkan manfaat kepada diri sendiri, saudara dan sekutu;
  - 4.2.4 Penyelewengan antaranya seperti berikut:
    - a) Membuat / memperakukan atau mengemukakan tuntutan palsu;
    - b) Pecah amanah seperti penggelapan wang atau penggunaan wang tanpa kelulusan;
    - c) Penyalahgunaan aset UNISEL;
    - d) Penipuan;
    - e) Pemalsuan;
    - f) Pelanggaran polisi, prosedur atau peraturan pelakuan UNISEL;
    - g) Memusnahkan, mencacatkan, mengubah atau menyembunyikan dokumen atau benda yang mempunyai kaitan dengan suatu siasatan; dan
    - h) Lain-lain kesalahan jenayah berkaitan rasuah dan integriti.

- 4.2.5 Pelanggaran Kod Etika dan Tatalaku Kakitangan UNISEL serta mana-mana polisi, peraturan dan prosedur UNISEL.
- 4.2.6 Bersubahat, mengarahkan, menasihati, merancang atau menyebabkan seseorang melakukan mana-mana perkara di atas. (seperti di para 4.2.1, 4.2.2, 4.2.3, 4.2.4 dan 4.2.5)

## 5. PENGUATKUASAAN

- 51 Penguatkuasaan Polisi ini adalah tertakluk kepada Jawatankuasa Eksekutif dan Lembaga Pengarah UNISEL.
- 52 UTUKi bertanggungjawab untuk menyemak dan mengemaskini Polisi ini mengikut keperluan. Mana-mana pindaan yang dicadangkan di masa hadapan hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Integriti dan Anti Rasuah (JIAR) UNISEL dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Eksekutif untuk kelulusan.
- 53 Polisi ini hendaklah disebarluaskan kepada semua kakitangan UNISEL, Ahli Lembaga Pengarah UNISEL, pihak berkepentingan dan rakan perniagaan dalam UNISEL serta dimuat naik di dalam laman web UNISEL (<https://www.unisel.edu.my/>)

## 6. PEMAKAIAN DAN PENGASINGAN

- 61 Polisi ini terpakai kepada semua kakitangan UNISEL, Ahli Lembaga Pengarah UNISEL dan pihak berkepentingan dalam UNISEL.
- 62 Polisi ini hendaklah dibaca bersama dengan Kod Etika dan Tatalaku Kakitangan UNISEL serta mana-mana polisi, peraturan dan prosedur UNISEL serta undang-undang di Malaysia.
- 63 Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa mekanisme polisi dan prosedur pemberi maklumat yang dibuat oleh pihak berkepentingan dalam UNISEL hanya boleh bertindak sebagai tambahan kepada Polisi ini, dan sekiranya berlaku apa-apa percanggahan, Polisi ini akan diguna pakai.
- 64 Apa-apa terma, peruntukan atau akur janji dalam Polisi ini yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan hendaklah menjadi tidak efektif setakat menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan tanpa membatalkan peruntukan-peruntukan Polisi ini.
- 65 Polisi ini tidak boleh digunakan sebagai pengganti atau alternatif kepada

Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) untuk mendapatkan kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah. Sepertimana yang diperuntukkan oleh undang-undang.

- 6.6. Pelapor juga boleh membuat apa-apa laporan salah laku kepada agensi penguatkuasa undang-undang di mana perlindungan sepenuhnya di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) dan lain-lain akta yang berkaitan boleh diberikan kepada Pelapor.
- 6.7 Polisi ini tidak terpakai bagi perkara-perkara berikut:
  - 6.7.1 Laporan yang bersifat rungutan peribadi mengenai terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan, penilaian prestasi, pampasan atau lain-lain aspek hubungan kerja individu;
  - 6.7.2 Laporan yang mengandungi maklumat yang dilarang didedahkan oleh undang-undang seperti Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53), Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88), Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Akta 758) dan yang seertiinya;
  - 6.7.3 Laporan yang dibuat tanpa butiran identiti Pelapor, identiti Pelapor tidak dapat disahkan atau dibuat melalui surat layang. Sebarang tindakan yang akan diambil, jika ada, ke atas laporan salah laku sebegini akan ditentukan bergantung kepada kebolehpercayaan dan ketepatan kandungan laporan.

## 7 MEMBUAT PELAPORAN

- 7.1 Pelapor perlu membuat laporan dengan segera dalam tempoh yang dirasakan munasabah sekiranya mempunyai kepercayaan yang munasabah suatu salah laku telah, sedang atau dipercayai akan berlaku di UNISEL.
- 7.2 Pelapor digalakkan untuk membuat laporan melalui kaedah-kaedah berikut:
  - 7.2.1 Berjumpa atau menghubungi Pegawai Unit Tadbir Urus Korporat dan Integriti untuk membuat laporan;
  - 7.2.2 Sekiranya melibatkan kakitangan Unit Tadbir Urus Korporat dan Integriti UNISEL, pelapor boleh membuat laporan terus kepada Pengurus JIAR atau Naib Canselor.

7.2.3 Secara dalam talian melalui website UNISEL atau emailkan maklumat kepada (governance\_cgqa@unisel.edu.my)

7.2.4 Secara panggilan telefon dengan menghubungi talian *whistleblowing* di talian **03-5522 3414** (Pegawai UTUKi).

7.3 Pelapor perlu memberikan maklumat lengkap dan jelas seperti berikut:

7.3.1 Keterangan tentang salah laku dan identiti pihak yang terlibat;

7.3.2 Keterangan tentang bagaimana salah laku dilakukan berserta dengan menyatakan tempat, tarikh dan masa kejadian; (Sekiranya mempunyai maklumat tersebut)

7.3.3 Menyertakan keterangan yang berkaitan sama ada dokumen atau lain-lain perkara yang boleh menjadi bukti; dan

7.3.4 Butir-butir Pelapor seperti nama, alamat, talian telefon dan emel untuk tujuan dihubungi dan maklumbalas.

7.4 Laporan salah laku hendaklah dibuat dengan niat suci hati, bukan palsu, berniat jahat atau bersifat fitnah. Laporan itu hendaklah berdasarkan kepada fakta dan tidak bersifat spekulatif.

7.5 Perlindungan akan diberikan kepada rakan perniagaan atau mana-mana orang awam yang membuat laporan salah laku di bawah Polisi ini tertakluk kepada kewajaran dan di mana yang bersesuaian. Bagi mendapatkan perlindungan sepenuhnya di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) dan lain-lain akta yang berkaitan, rakan perniagaan atau mana-mana orang awam boleh membuat laporan kepada agensi penguatkuasa undang-undang.

7.6 Sekiranya laporan salah laku dibuat terhadap mana-mana Ahli Lembaga Pengarah UNISEL, Ahli Jawatankuasa Integriti dan Anti Rasuh, atau Pegawai Unit Tadbir Urus Korporat dan Integriti, maka ahli atau pegawai berkenaan tidak boleh turut sama melibatkan diri di dalam keseluruhan proses yang dinyatakan di dalam Polisi ini atau membuat apa-apa tindakan atau keputusan ke atas laporan tersebut. Apa-apa tugas dan tanggungjawab ahli atau pegawai tersebut hendaklah diambil alih oleh ahli atau pegawai lain.

## 8. PERLINDUNGAN

8.1 Identiti Pelapor termasuk jawatan, alamat tempat kerja, alamat kediaman dan lain-lain yang berkaitan akan dirahsiakan dan dilindungi oleh Polisi ini.

- 82 Semua laporan salah laku adalah disifatkan dan diklasifikasikan sebagai SULIT. Kandungan laporan salah laku tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak kecuali kepada pihak yang berhak untuk mengetahuinya seperti agensi penguatkuasa undang-undang, Pasukan Penyiasat yang dilantik dan Jawatankuasa Integriti dan Anti Rasuah (JIAR) untuk tujuan siasatan, penilaian dan membuat keputusan. Bagaimanapun, identiti Pelapor tetap juga akan dirahsiakan dan dilindungi serta tidak boleh dinyatakan dalam apa-apa dokumen atau pernyataan.
- 83 Pelapor adalah dilarang untuk mendedahkan apa-apa butiran laporan salah laku yang dibuat olehnya kepada mana-mana pihak lain kecuali kepada agensi penguatkuasa undang-undang. Kegagalan Pelapor mematuhi larangan ini boleh menyebabkan kerahsiaan dan perlindungan kepada Pelapor di bawah Polisi ini terbatal.
- 84 Pelapor yang membuat laporan dengan niat suci hati akan dilindungi daripada apa-apa tindakan yang memudaratkan.
- 85 Sesiapa yang melakukan tindakan yang memudaratkan terhadap Pelapor akan dikenakan tindakan tatatertib sehingga ke tahap penamatkan pekerjaan atau pemecatan atau dilaporkan kepada agensi penguatkuasa undang-undang. Tindakan yang memudaratkan termasuklah:
- 8.5.1 Tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan;
  - 8.5.2 Ugutan atau gangguan;
  - 8.5.3 Gangguan terhadap pekerjaan termasuk diskriminasi, penamatkan perkhidmatan, penurunan pangkat, gantung kerja, keadaan yang merugikan, layanan buruk berhubung dengan pekerjaan, atau pengambilan tindakan tatatertib; dan
  - 8.5.4 Ancaman untuk mengambil mana-mana tindakan di atas.
- 8.6 Kerahsiaan dan perlindungan kepada Pelapor tidak akan terjejas sekiranya laporan salah laku yang dibuat itu tidak membawa kepada suatu tindakan tatatertib atau pendakwaan di bawah mana-mana undang-undang.

## **9. PEMBATALAN PERLINDUNGAN**

- 9.1 Perlindungan kepada Pelapor akan terbatal sekiranya didapati Pelapor telah membuat laporan salah laku yang diketahuinya palsu, dengan berniat jahat atau berunsur fitnah. UNISEL memandang serius mengenai perkara ini dan tindakan tatatertib atau tindakan pengaduan kepada agensi penguatkuasa undang-undang boleh diambil ke atas Pelapor.

- 92 Perlindungan juga akan terbatal dalam keadaan-keadaan berikut:
- 9.2.1 Pelapor itu sendiri yang menyertai kelakuan yang tidak wajar yang dilaporkan;
  - 9.2.2 Pelapor membuat laporan salah laku dengan motif untuk mengelak daripada ditamatkan perkhidmatan pekerjaan atau dikenakan tindakan tatatertib; dan
  - 9.2.3 Sama ada sebelum atau selepas membuat laporan salah laku, Pelapor telah mendedahkan mana-mana butiran laporan itu kepada mana-mana pihak yang tidak berhak untuk mengetahuinya.

## **10. TANGGUNGJAWAB**

- 10.1 Jawatankuasa Integriti dan Anti Rasuah (JIAR) UNISEL
  - 10.1.1 Menilai laporan aduan salah laku serta syor-syor yang dikemukakan oleh UTUKi.
  - 10.1.2 Melantik pasukan penyiasat jika perlu.
  - 10.1.3 Menilai laporan siasatan.
  - 10.1.4 Membentangkan laporan salah laku dan hasil siasatan salah laku berserta syor-syornya kepada Jawatankuasa Eksekutif UNISEL.
  - 10.1.5 Menjaga kerahsiaan laporan yang diterima.
- 10.2 Unit Tadbir Urus Korporat dan Integriti (UTUKi)
  - 10.2.1 Menerima dan menguruskan laporan salah laku serta membuat syor tindakan sewajarnya untuk dibentangkan kepada JIAR
  - 10.2.2 Menerima dan menguruskan laporan salah laku serta membuat syor tindakan sewajarnya untuk dibentangkan kepada JIAR
  - 10.2.3 Menjaga kerahsiaan identiti pelapor dan kandungan laporan yang diterima.
- 10.3 Pasukan Penyiasat
  - 10.3.1 Pasukan penyiasat terdiri daripada mana-mana pegawai yang dilantik oleh JIAR untuk menjalankan suatu siasatan.
  - 10.3.2 Melakukan siasatan tanpa berat sebelah dan prasangka.

10.3.3 Pasukan penyiasat dibenarkan untuk menemu bual, merakam pernyataan, memperolehi dokumen atau sebarang maklumat yang diperlukan bagi tujuan kajian dan siasatan salah laku.

10.3.4 Menyediakan dan menyerahkan laporan siasatan dengan syor yang sewajarnya kepada JIAR.

## **11 MAKLUMBALAS**

Pelapor akan dimaklumkan mengenai tindakan yang diambil ke atas laporan salah laku yang dibuat olehnya dan hasil siasatan ke atas laporan tersebut.

### **PERTANYAAN DAN PELAPORAN**

Sebarang pertanyaan atau pelaporan pelanggaran terhadap polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

**UNIT TADBIR URUS KORPORAT DAN INTEGRITI (UTUKI)**  
**KAMPUS SHAH ALAM, JALAN ZIRKON A7/A, SEKSYEN 7,**  
**40000, SHAH ALAM, SELANGOR.**  
**TEL. PEJABAT : 03 5522 3424**  
**E-MEL: [governance\\_cgqa@unisel.edu.my](mailto:governance_cgqa@unisel.edu.my)**